



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafs.gov.my

SIARAN MEDIA

PENYALURAN BANTUAN KHAS BERNAS KEPADA PESAWAH

PUTRAJAYA, 11 APRIL 2023 - Pada 5 Disember 2022 yang lalu, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) bersetuju memberi sumbangan sebanyak RM60 juta kepada pesawah. Sumbangan ini akan diberikan secara berperingkat di mana RM10 juta disalurkan kepada KPKM pada penghujung tahun 2022 dan telah diagihkan kepada tiga (3) buah negeri di Pantai Timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Terkini, BERNAS telah menyalurkan sumbangan sebanyak RM20 juta lagi kepada KPKM dan ianya akan diagihkan kepada pesawah di empat (4) buah negeri iaitu **Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Selangor**. Pemberian bantuan khas sebanyak RM250 kepada setiap pesawah ini dijangka akan memanfaatkan 81,153 orang pesawah berdaftar di negeri berkenaan. Kementerian akan menyelesaikan pembayaran **sebelum 14 April 2023 bagi pesawah yang mempunyai maklumat lengkap**. Baki pesawah di negeri-negeri lain akan menerima bantuan khas ini pada peringkat seterusnya setelah baki sumbangan disalurkan oleh BERNAS kelak.

Bantuan ini merupakan tambahan kepada Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri sebanyak RM200 yang diberikan kepada setiap pesawah seperti diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 29 Mac 2023.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

11 APRIL 2023